



SEKTOR PENDIDIKAN (PKPB)

Dikemaskini pada 28 April 2021

Waktu Cuti

Cuti Hari Raya pada 13 Mei dan 14 Mei 2021

Cuti tambahan KPM sempena hari raya ialah pada 11 dan 12 Mei 2021 (Selasa dan Rabu)

SOP PENGURUSAN MURID ASRAMA PULANG HARI RAYA AIDIL FITRI

Merangkumi

- Pengoperasian asrama sekolah dan Kolej Vokasional (KV) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pergerakan murid pulang berhari raya dan kembali ke asrama sekolah.

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Sila rujuk Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.

Arahan Tetap

- Peraturan 18 P.U. (A) 97/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • Semua murid dibenarkan pulang secara berperingkat sempena Hari Raya Aidil Fitri mulai 6 Mei 2021 (Khamis) bagi sekolah Kumpulan A dan 7 Mei 2021 (Jumaat) bagi sekolah Kumpulan B • Murid perlu kembali semula ke sekolah pada 12 Jun 2021 (Sabtu) bagi sekolah Kumpulan A dan 13 Jun 2021 (Ahad) bagi sekolah Kumpulan B. • Sekolah perlu menyediakan jadual pergerakan murid pulang dan kembali ke asrama. • Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, ibu bapa/penjaga yang mempunyai anak bersekolah di WP Labuan dibenarkan untuk mengambil dan menghantar pulang anak/anak jagaan di lokasi yang ditetapkan sahaja. • Bagi pergerakan yang melibatkan rentas negeri, hanya 2 orang sahaja dalam kalangan ibu bapa/penjaga dibenarkan untuk menjemput atau menghantar anak/anak jagaan kembali ke asrama dengan menggunakan surat pengesahan daripada sekolah/KV.
Pengangkutan Murid	<ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan sekolah atau sewa khas disediakan sekiranya terdapat lebih daripada 10 murid yang perlu merentas negeri/ zon (Sabah dan Sarawak) • Kenderaan sendiri hanya bagi: <ol style="list-style-type: none"> a. murid yang tidak perlu merentas negeri; dan b. sekolah yang mempunyai bilangan murid asrama 10 orang atau kurang yang perlu merentas negeri/ zon (Sabah dan Sarawak). • Sekolah perlu menetapkan lokasi bagi menurunkan/mengambil murid di setiap negeri. Ibu bapa/penjaga boleh menjemput anak/anak jagaan di lokasi yang telah ditetapkan.
Pengurusan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Murid perlu menjalani saringan kesihatan sebelum menaiki kenderaan yang disediakan oleh sekolah. • Murid perlu sentiasa memakai pelitup muka dan mematuhi SOP yang ditetapkan sepanjang perjalanan. • Kenderaan yang disediakan oleh sekolah perlu disanitasi terlebih dahulu sebelum dinaiki oleh murid. • Murid yang sihat sahaja dibenarkan kembali ke asrama dengan syarat mereka dan ahli keluarga yang tinggal serumah tidak dalam tempoh menjalani kuarantin/tiada kontak rapat. • Murid perlu mengemukakan borang pengisytiharan kesihatan apabila mereka kembali ke asrama.